



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PROGRAM PERUBATAN/ BAHAGIAN AMALAN PERUBATAN/ MAJLIS OPTIK MALAYSIA

GARIS PANDUAN

**PENGENDALIAN PEPERIKSAAN KANTA LEKAP DI BAWAH SEKSYEN 30(5)
AKTA OPTIK 1991**

TARIKH KUAT KUASA

7 September 2023

1. NAMA INSTRUMEN PERATURAN

Garis Panduan Pengendalian Peperiksaan Kanta Lepak Di Bawah Seksyen 30(5) Akta Optik 1991.

2. AGENSI PENGAWAL SELIA INSTRUMEN PERATURAN

Majlis Optik Malaysia (MOC)

3. PUNCA KUASA

- i. Akta Optik 1991
- ii. Peraturan-Peraturan Optik 1994

4. OBJEKTIF PERLESENAN

Garis panduan ini dibuat bagi memastikan peperiksaan kanta lekap (peperiksaan) yang dijalankan adalah teratur, profesional dan mematuhi Akta Optik 1991 dan Peraturan-Peraturan Optik 1994.

5. KETERANGAN

Peperiksaan kanta lekap ini dijalankan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 30(5) Akta Optik 1991. Tujuannya adalah untuk memberi kebenaran kepada juruoptik berdaftar yang layak bagi mempreskripsi dan menjual kanta lekap kepada pelanggan di premis optikal masing-masing.

Pengurusan berkenaan peperiksaan adalah di bawah tanggungjawab *Conjoint Contact Lens Committee*, Majlis Optik Malaysia bersama pengendali peperiksaan yang dilantik/dipilih.

6. SASARAN PENGGUNA

Garis panduan ini disasarkan kepada semua yang terlibat dengan peperiksaan termasuk pengendali peperiksaan, petugas peperiksaan, pemerhati, dan juga calon.

7. PERATURAN AM

- i. Calon mestilah seorang Juruoptik Berdaftar dan telah menghadiri kursus kanta lekap yang dikendalikan oleh mana-mana institusi pengajian atau persatuan yang yang disahkan layak oleh MOC. – seksyen 30(4), Akta Optik 1991, Mesyuarat MOC ke-39 Bil.2/2005.
- ii. Peperiksaan teori dan amali akan dijalankan tidak lebih 3 kali dalam setahun. Calon mestilah lulus dalam peperiksaan teori sebelum mendaftar untuk peperiksaan amali. - subperaturan 27(3), Pindaan 2016 Peraturan-Peraturan Optik 1994.
- iii. MOC akan menetapkan tarikh dan tempat peperiksaan dan boleh membatalkan atau menangguhkan tarikhnya jika perlu. - subperaturan 26(3), Pindaan 2016 Peraturan-Peraturan Optik 1994.
- iv. Peperiksaan akan dijalankan dalam bahasa kebangsaan atau bahasa inggeris. - subperaturan 25(3), Pindaan 2007 Peraturan-Peraturan Optik 1994.
- v. Setiap calon boleh menduduki peperiksaan teori dan amali sebanyak maksima 4 kali sahaja. - subperaturan 26(4), Pindaan 2007 Peraturan-Peraturan Optik 1994.

- vi. Jika calon menarik diri dari peperiksaan atau tidak menghadiri peperiksaan, fi tidak akan dikembalikan melainkan jika penarikan diri atau ketidakhadirannya disebabkan alasan kesihatan. Calon hendaklah memberikan sebab dan mengemukakan surat akuan kesihatan dari pegawai perubatan berdaftar sebagai bukti - subperaturan 26(4) Peraturan-Peraturan Optik 1994.

8. PERMOHONAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN KANTA LEKAP

Permohonan untuk menduduki peperiksaan kanta lekap (teori) hendaklah dikemukakan menggunakan Borang 18 beserta Sijil Kursus Kanta Lekap bagi Juruoptik Berdaftar dan fi RM200. - subperaturan 27(3), Pindaan 2016 Peraturan-Peraturan Optik 1994.

Permohonan untuk menduduki peperiksaan kanta lekap (amali) hendaklah dikemukakan menggunakan Borang 19 beserta salinan keputusan peperiksaan kanta lekap teori dan fi RM700. -subperaturan 27(3), Pindaan 2016 Peraturan-Peraturan Optik 1994.

Calon yang layak akan diberitahu berkenaan tarikh, tempat, masa dan syarat-syarat peperiksaan melalui e-mel atau surat atau apa-apa media termasuk media sosial yang difikirkan patut oleh Majlis. - subperaturan 26(2), Pindaan 2021 Peraturan-Peraturan Optik 1994.

9. KURSUS KANTA LEKAP BAGI JURUOPTIK BERDAFTAR

Kursus kanta lekap (kursus) hendaklah dijalankan oleh universiti/institusi/persatuan optik yang disahkan layak oleh MOC dan mestilah mematuhi Modul Kursus Kanta Lekap bagi Juruoptik Berdaftar yang telah dikeluarkan oleh MOC. - Mesyuarat MOC ke-39, 24 Jun 2005

Calon hendaklah menghadiri dan menamatkan kursus kanta lekap sebelum memohon untuk menduduki peperiksaan kanta lekap (teori).

Tiada had jumlah kursus kanta lekap yang perlu dihadiri oleh juruoptik berdaftar sebelum memohon untuk menduduki peperiksaan kanta lekap (teori).

Kriteria pengendali kursus yang layak adalah sebagaimana berikut:

- i. Adalah universiti/institusi yang menjalankan program optometri/opticianri di Malaysia atau persatuan pengamal optometri atau pertubuhan akademi optometri yang berdaftar.
- ii. Boleh mematuhi Modul Kursus Kanta Lekap bagi Juruoptik Berdaftar yang telah dikeluarkan oleh MOC dan mempunyai tenaga pengajar yang berkelayakan.
- iii. Boleh mengeluarkan Sijil Kursus Kanta Lekap kepada juruoptik berdaftar yang berjaya menamatkan kursus.

10. PEPERIKSAAN KANTA LEKAP

10.1 PENGENDALI PEPERIKSAAN

Peperiksaan kanta lekap akan dikendalikan oleh pengendali peperiksaan yang ditetapkan oleh *Conjoint Contact Lens Committee*, MOC dan memenuhi kriteria berikut:

- i. Boleh menyediakan bilik/dewan peperiksaan yang sesuai dengan bilangan calon peperiksaan untuk peperiksaan teori atau amali.
- ii. Boleh menyediakan peralatan yang diperlukan sepanjang peperiksaan.
- iii. Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia.
- iv. Boleh mematuhi garis panduan dan peraturan yang dikeluarkan oleh MOC.
- v. Pengendali peperiksaan tidak dibenarkan menjalankan kursus kanta lekap.

Terdapat 2 peperiksaan yang perlu diduduki oleh calon iaitu peperiksaan teori dan peperiksaan amali.

10.2 PEPERIKSAAN TEORI

10.2.1 Kertas soalan peperiksaan teori mengandungi 150 soalan aneka pilihan yang perlu dijawab dalam masa 3 jam.

10.2.2 LAMPIRAN CL-ACT iaitu Arahan Kepada Calon Untuk Peperiksaan Kanta Lepak (Teori) Bagi Juruoptik Berdaftar Di Bawah Seksyen 30(5) Akta Optik 1991 akan dihantar kepada calon melalui e-mel sekurang-kurangnya satu minggu sebelum tarikh peperiksaan.

Tujuan arahan ini adalah untuk memberi kefahaman kepada calon berkenaan peperiksaan yang akan dijalankan dan supaya calon dapat membuat persediaan rapi sebelum hadir ke tempat peperiksaan. Arahan ini akan dijelaskan semula oleh Ketua Pengawas di tempat peperiksaan sebelum peperiksaan dijalankan.

10.2.3 Petugas Peperiksaan

Petugas peperiksaan yang terlibat dalam peperiksaan teori adalah:

- i. Ketua Pengawas
- ii. Pengawas
- iii. Penyelaras
- iv. Penyedia Laporan Keputusan
- v. Penggubal Soalan

Kriteria Ketua Pengawas Peperiksaan Teori, Pengawas Peperiksaan, Penyelaras Peperiksaan Teori, Penyedia Laporan Keputusan Peperiksaan Teori:

- i. Nama petugas dicadangkan oleh pengendali peperiksaan kepada MOC.
- ii. Mempunyai pengalaman terlibat dalam pengendalian peperiksaan.
- iii. Boleh mematuhi tatacara pengendalian peperiksaan, penilaian dan pemarkahan yang telah ditetapkan oleh MOC.
- iv. Dilantik oleh MOC sebagai Penyelaras peperiksaan, penyedia laporan keputusan peperiksaan atau penyedia laporan keputusan keseluruhan untuk tempoh yang ditetapkan.

Kriteria Penggubal soalan

- i. Dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Peperiksaan *Conjoint Contact Lens Committee* MOC untuk tempoh yang ditetapkan.
- ii. Ahli akademik yang mempunyai pengalaman/kepakaran dalam mata pelajaran kanta lekap.

- iii. WAJIB menjaga kerahsiaan dan keselamatan soalan peperiksaan dan boleh mematuhi tatacara pengendalian peperiksaan, penilaian dan pemarkahan yang telah ditetapkan oleh MOC.

10.3 PEPERIKSAAN AMALI

10.3.1 Peperiksaan amali mengandungi 4 komponen yang perlu diselesaikan dalam masa 1 jam 40 minit seperti berikut:

Komponen I (<i>History taking & Preliminary assessment</i>)	30 minit
Komponen II (<i>Keratometry & slit lamp biomicroscopy</i>)	20 minit
Komponen III (<i>Contact lens fitting assessment</i>)	30 minit
Komponen IV (<i>Aftercare & management</i>)	20 minit

10.3.2 LAMPIRAN CL-ACA iaitu Arahan Kepada Calon Untuk Peperiksaan Kanta Lepak (Amali) Bagi Juruoptik Berdaftar Di Bawah Seksyen 30(5) Akta Optik 1991 akan dihantar kepada calon sekurang-kurangnya satu minggu sebelum tarikh peperiksaan.

Tujuan arahan ini adalah untuk memberi kefahaman kepada calon berkenaan peperiksaan yang akan dijalankan dan supaya calon dapat membuat persediaan rapi sebelum hadir ke tempat peperiksaan.

10.3.3 Lawatan ke tempat peperiksaan

Bagi peperiksaan amali, satu lawatan ke tempat peperiksaan boleh diaturkan oleh MOC bersama pihak pengendali peperiksaan dalam tempoh satu minggu sebelum peperiksaan dijalankan.

Tujuan lawatan adalah untuk memastikan calon dapat membiasakan diri dan tidak kekok menggunakan peralatan di tempat peperiksaan.

Lawatan boleh disertai oleh pemerhati untuk membuat pemeriksaan ke atas peralatan yang akan digunakan oleh calon semasa peperiksaan.

Arahan kepada calon akan dijelaskan semula samada oleh Jawatankuasa Kanta Lepak MOC atau Ketua Pemeriksa semasa sesi lawatan.

10.3.4 Pesakit sebagai subjek peperiksaan

Pesakit/subjek diperlukan untuk peperiksaan amali sahaja. Pengendali peperiksaan bertanggungjawab menyediakan pesakit yang memenuhi kriteria yang ditetapkan seperti berikut:

- i. Mempunyai ralat refraksi tidak melebihi -6.00DS bagi kuasa sferikal dan tidak melebihi -2.00DC bagi kuasa silinder. Sudut silinder adalah pada mana-mana orientasi.

- ii. Tidak mempunyai masalah penglihatan presbyopia (berumur kurang dari 40 tahun).
- iii. Bukan dari kalangan pelajar optometri.
- iv. Setiap pesakit hanya boleh mengambil bahagian sebanyak DUA (2) kali sahaja dalam satu peperiksaan dan pada hari yang sama.
- v. Identiti pesakit akan diwakili oleh nombor fail dan maklumatnya akan dirahsiakan dari pengetahuan calon, pemeriksa dan pemerhati.
- vi. Maklumat terkini pesakit berkaitan pemakaian kanta lekap seperti ralat refraksi, bacaan keratometer dan parameter kanta lekap pesakit adalah sulit dan hanya akan didedahkan kepada pemeriksa semasa peperiksaan dijalankan.

10.3.5 Petugas Peperiksaan

Petugas peperiksaan yang terlibat dalam peperiksaan amali adalah:

- i. Ketua Pemeriksa
- ii. Pemeriksa
- iii. Pembantu Pemeriksa
- iv. Penyelaras
- v. Penyedia Laporan Keputusan
- vi. Penggubal Soalan
- vii. Penyedia Laporan Keputusan Keseluruhan

Kriteria Ketua Pemeriksa, Pemeriksa dan Pembantu Pemeriksa:

- i. Optometris yang berdaftar dengan Majlis Optik Malaysia (MOC).
- ii. Optometris berdaftar yang telah menjalankan amalan optometri sekurang-kurangnya selama 5 tahun dan masih menjalankan amalan optometri dan mempunyai Perakuan Pengamalan Tahunan (APC) tahun semasa.
- iii. Keutamaan diberikan kepada optometris berdaftar yang mempunyai kepakaran dalam kanta lekap atau terlibat dengan jawatankuasa, pertubuhan atau aktiviti yang berkaitan kanta lekap.
- iv. Boleh mematuhi tatacara pengendalian peperiksaan, penilaian dan pemarkahan yang telah ditetapkan oleh MOC.
- v. Dilantik oleh MOC sebagai Ketua Pemeriksa, Pemeriksa atau Pembantu Pemeriksa untuk tempoh yang ditetapkan.

Kriteria penyelaras peperiksaan, penyedia laporan keputusan peperiksaan, penyedia laporan keputusan keseluruhan:

- i. Nama petugas dicadangkan oleh pengendali peperiksaan kepada MOC.
- ii. Boleh mematuhi tatacara pengendalian peperiksaan, penilaian dan pemarkahan yang telah ditetapkan oleh MOC.
- iii. Dilantik oleh MOC sebagai penyelaras peperiksaan, penyedia laporan keputusan peperiksaan atau penyedia laporan keputusan keseluruhan untuk tempoh yang ditetapkan.

Kriteria Penggubal soalan

- i. Ahli Jawatankuasa Peperiksaan *Conjoint Contact Lens Committee* MOC.
- ii. Ahli akademik yang mempunyai pengalaman atau kepakaran dalam subjek kanta lekap.
- iii. WAJIB menjaga kerahsiaan dan keselamatan soalan peperiksaan dan boleh mematuhi tatacara pengendalian peperiksaan, penilaian dan pemarkahan yang telah ditetapkan oleh MOC.

10.3.6 PEMERHATI

Kriteria Pemerhati

- i. Pemerhati boleh terdiri daripada:
 - Anggota Majlis Optik Malaysia
 - Pakar Oftalmologi Kementerian Kesihatan Malaysia
 - Optometris berdaftar yang merupakan wakil dari persatuan optometris
 - Juruoptik berdaftar (ada permit kanta lekap) yang merupakan wakil dari persatuan juruoptik
- ii. Boleh mematuhi tatacara pengendalian peperiksaan dan garis panduan untuk pemerhati yang telah ditetapkan oleh MOC (LAMPIRAN CI-AP).
- iii. Dilantik oleh MOC sebagai pemerhati untuk tempoh yang ditetapkan.

10.3.7 PERALATAN

Peralatan pemeriksaan optometri akan disediakan oleh pengendali peperiksaan. Walau bagaimanapun, calon dibenarkan untuk membawa peralatan asas pemeriksaan optometri seperti yang disenarai dalam LAMPIRAN CL-ACA.

11.0 KEPUTUSAN PEPERIKSAAN

- i. Calon yang lulus peperiksaan teori adalah layak untuk menduduki peperiksaan amali pada sesi yang sama.
- ii. Calon dikehendaki lulus semua komponen dalam peperiksaan amali sebagai syarat untuk lulus peperiksaan amali.
- iii. Markah lulus bagi peperiksaan teori dan peperiksaan amali adalah 50%. - Mesyuarat MOC ke- 67 Bil. 1/2016
- iv. Keputusan peperiksaan adalah muktamad. Keputusan akan disahkan oleh Jawatankuasa Penilaian (JKP) MOC dan dimaklumkan dalam mesyuarat Majlis Optik Malaysia (Majlis).
- v. Calon yang lulus peperiksaan akan dimaklumkan melalui surat atau e-mel dalam tempoh 14 hari bekerja selepas keputusan dikeluarkan oleh pengendali peperiksaan.

12.0 SENARAI KEPERLUAN MAKLUMAT YANG PERLU DIKEMUKAKAN

BIL	NAMA MAKLUMAT/DOKUMEN
1.	Borang 18
2.	Borang 19
3.	Salinan Sijil Kursus Kanta Lepak yang telah dihadiri

13.0 SENARAI PEMBAYARAN

BIL	ITEM	SUMBER	KAEDAH PEMBAYARAN
1	Bayaran kepada pengendali peperiksaan	Sebut harga Invoice Delivery order	e-perolehan
2	Bayaran kepada petugas peperiksaan	1.Surat dari Bahagian Kewangan KKM No.Rujukan:(16)dlm.KKM-58/300/4-1Jld.16 Tarikh: 17 April 2012	Bayaran terus
3	Bayaran kepada pesakit/subjek peperiksaan amali	2.Surat dari Bahagian Kewangan KKM No.Rujukan:(16)dlm.KKM-58/300/4-1Jld.16 Tarikh: 13 Ogos 2007	

14.0 KEPUTUSAN / OUTPUT YANG DIKELUARKAN

Output	<ul style="list-style-type: none"> i. Laporan keputusan peperiksaan kanta lekap (Teori) ii. Laporan keputusan peperiksaan kanta lekap (Amali) iii. Laporan keputusan keseluruhan iv. Kebenaran Mempreskripsi dan Mendispens Kanta Lekap
Kaedah Penyampaian Keputusan	E-mel/Perkhidmatan Pos/Kurier

15.0 RUJUKAN YANG BERKAITAN

1. Akta Optik 1991
2. Peraturan-Peraturan Optik 1994
3. Garis Panduan Pengendalian Peperiksaan Kanta Lekap Di Bawah Seksyen 30(5) Akta Optik 1991 Tahun 2016

16.0 DISEDIAKAN OLEH

CONJOINT CONTACT LENS COMMITTEE 2023-2026

- | | | |
|-----|---|---|
| 1. | Prof. Madya Dr. Mohd Zaki Bin Awg Isa | Pengarah
Centre of Excellence, MSU Eye Centre |
| 2. | Dr. Siti Nor Roha Binti Daman Huri | Pakar Oftalmologi
Jabatan Oftalmologi, Hospital Sg. Buloh |
| 3. | Dr. Bashirah Binti Ishak | Pensyarah
Program Optometri&Sains Penglihatan, UKM |
| 4. | Dr. Muhammad Afzam Shah Bin Abdul Rahim | Pensyarah
Jabatan Optometri&Sains Visual, UIAM |
| 5. | Dr. Noor Haziq Bin Saliman | Pensyarah Kanan
Pusat Pengajian Optometri, UiTM |
| 6. | Pn. Fairuz Binti Mohd Nordin | Pensyarah
Jabatan Optometri&Sains Visual, MSU |
| 7. | Pn. Fadilah Binti Ab Hamid | Pensyarah
Fakulti Optometri&Sains Penglihatan, Universiti SEGi |
| 8. | Pn. Prema AP Muthiah | Pensyarah
UCSI School of Optometry |
| 9. | Pn. Safira Binti Zainal | Pegawai Optometri
Hospital Kuala Lumpur |
| 10. | En. Ng Choon Lim | Juruoptik Berdaftar
J00890/KL-427 |



**CONJOINT CONTACT LENS EXAMINATION COMMITTEE
MAJLIS OPTIK MALAYSIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**



**ARAHAN KEPADA CALON PEPERIKSAAN KANTA LEKAP (TEORI)
BAGI JURUOPTIK BERDAFTAR DI BAWAH SEKSYEN 30(5) AKTA OPTIK 1991
INSTRUCTIONS TO CANDIDATES FOR THE THEORY CONTACT LENS EXAMINATION
FOR REGISTERED OPTICIAN UNDER SECTION 30(5) OPTICAL ACT 1991**

ARAHAN-ARAHAN AM

1. Calon dikehendaki hadir mengikut masa yang ditetapkan dan mendaftar kehadiran 30 minit sebelum peperiksaan dimulakan.

Candidates are required to attend according to the set time and register their attendance 30 minutes before the examination starts.

2. Calon tidak dibenarkan mengambil peperiksaan sekiranya hadir **lewat 15 minit** daripada masa peperiksaan dimulakan.

Candidate shall not be allowed to sit for the examination if he/she comes 15 minutes after the examination has started.

3. Calon tidak dibenarkan untuk meninggalkan dewan pada masa 30 minit pertama dan 30 minit terakhir peperiksaan.

Candidates are not allowed to leave the hall during the first 30 minutes and the last 30 minutes of the examination.

4. Calon dikehendaki membawa bersama perkara berikut:

- i. Kad Pengenalan
- ii. Surat panggilan menduduki peperiksaan
- iii. Pensil 2B dan getah pemadam
- iv. Kalkulator

Candidates are required to bring identification card, letter of invitation to sit for the examination, 2B pencil, eraser and calculator.

5. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang jenis alat komunikasi atau elektronik seperti telefon bimbit, *smart watch* dan *pager* termasuk menggunakan kalkulator pada telefon bimbit.

Candidate is not allowed to bring in any communication or electronic devices such as cell phone, smart watch and pager including using calculator on cell phone.

6. Calon tidak dibenarkan membawa sebarang nota atau buku rujukan ke dewan peperiksaan.

Candidate is not allowed to bring in any notes or reference books into the examination hall.

7. Calon tidak dibenarkan menipu, meniru dalam peperiksaan atau melakukan sebarang bentuk komunikasi dengan calon lain semasa peperiksaan berlangsung.

Candidates are not allowed to cheat, imitate in the examination or make any form of communication with other candidates during the examination.

8. Calon dikehendaki mematuhi semua arahan dan peraturan daripada Ketua Pengawas sepanjang peperiksaan berlangsung.

Candidates are required to comply with instructions and rules from the Chief Invigilator throughout the examination.

9. Etika berpakaian - Calon dikehendaki berpakaian kemas, sopan dan professional seperti berikut:

- Bagi calon lelaki - kemeja berlengan dan berkolah, berseluar *slack* panjang dan kasut bertutup. Seluar *jeans* adalah tidak dibenarkan.
- Bagi calon perempuan - pakaian berlengan, berseluar panjang atau kain labuh melebihi paras lutut dan kasut bertutup. Seluar *jeans* adalah tidak dibenarkan.

Dress Code - Candidate is required to dress appropriately, decently and professionally with proper shoes. Dress code for male candidate is sleeved and collared shirt with long trousers. Dress code for female candidate is sleeved top with dress/skirt below the knee or trousers. Jeans are not allowed.

PERINGATAN

REMINDER

1. Ketua Pengawas dan Pengawas Peperiksaan adalah berhak untuk memeriksa calon sekiranya disyaki terdapat sebarang keraguan sebelum memasuki, semasa peperiksaan dan juga sebelum calon meninggalkan dewan.

Chief Invigilator and Invigilators of the Examination are entitled to examine the candidate if there is any doubt before entering, during the examination and also before the candidate leaves the hall.

2. Ketua Pengawas adalah berkuasa penuh ke atas perjalanan peperiksaan dan sebarang keputusan yang diambil oleh Ketua Pengawas adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan.

Chief invigilator is in full control of the examination and any decision taken by him/her shall be final and conclusive.

3. Calon dikehendaki mematuhi peraturan-peraturan peperiksaan di atas. Kegagalan calon mematuhi peraturan ini akan menyebabkan tindakan disiplin diambil dan tidak dibenarkan menduduki atau meneruskan peperiksaan ini.

Candidates are required to comply with the above examination rules. Failure of the candidate to comply will result in disciplinary action and he will not be allowed to sit or continue examination.

4. Sebarang aduan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Majlis Optik Malaysia selepas peperiksaan selesai.

Any complaint must be made in writing to the Malaysian Optical Council after the examination is completed.

5. Jika calon menarik diri dari peperiksaan atau tidak menghadiri peperiksaan, fi tidak akan dikembalikan melainkan jika penarikan diri atau ketidakhadirannya disebabkan alasan kesihatan. Calon hendaklah memberikan sebab dan mengemukakan surat akuan kesihatan dari pegawai perubatan berdaftar sebagai bukti - subperaturan 26(4)

Peraturan-Peraturan Optik 1994.

If the candidate withdraws from or does not attend the examination, the fee will not be refunded unless the withdrawal or absence is due to medical reasons. Candidates must provide reasons and submit a declaration letter from a registered medical officer.



**CONJOINT CONTACT LENS EXAMINATION COMMITTEE
MAJLIS OPTIK MALAYSIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**



**ARAHAN KEPADA CALON UNTUK PEPERIKSAAN KANTA LEKAP (AMALI)
BAGI JURUOPTIK BERDAFTAR DI BAWAH SEKSYEN 30(5) AKTA OPTIK 1991
INSTRUCTIONS TO CANDIDATES FOR THE PRACTICAL CONTACT LENS EXAMINATION
FOR REGISTERED OPTICIAN UNDER SECTION 30(5) OPTICAL ACT 1991**

**ARAHAN-ARAHAN AM
GENERAL INSTRUCTIONS**

1. Calon diwajibkan membawa bersama **kad pengenalan** dan **surat panggilan** menduduki peperiksaan amali ke bilik peperiksaan.
*Candidates must bring along their **identity card** and **examination call letter** to the examination room.*
2. Calon dinasihatkan supaya **kuku tangan dipotong pendek** untuk menduduki peperiksaan.
*Candidates are advised to have their **finger nails cut short** for the examination.*
3. Calon dikehendaki mendaftar kehadiran **30 minit sebelum** peperiksaan dimulakan.
*Candidate is required to register their attendance **30 minutes** before the examination starts.*
4. Calon **tidak dibenarkan menduduki peperiksaan** sekiranya calon **lewat 15 minit** dari masa peperiksaan dimulakan. Masa tambahan tidak akan diberi.
*Candidate **shall not be allowed to sit** for the examination if he/she comes **15 minutes after** the examination has started. No added time will be given.*
5. Calon **dikehendaki** membawa alat tulis yang perlu seperti pena mata bulat, pensil, pemadam dan mesin kira.
Candidates are required to bring along their own stationary such as ball point pen, pencil, eraser and calculator.
6. Calon tidak dibenarkan membawa sebarang nota atau buku rujukan ke bilik peperiksaan.
Candidate is not allowed to bring in any notes or reference books into the examination room.
7. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang alat komunikasi atau alat elektronik seperti *telefon bimbit, smart watch dan pager termasuk menggunakan kalkulator pada telefon bimbit.*
Candidate is not allowed to bring in any communication or electronic devices such as cell phone, smart watch and pager including using calculator on cell phone.

8. Etika berpakaian - Calon dikehendaki berpakaian kemas, sopan dan professional seperti berikut:

- Bagi calon lelaki - kemeja berlengan dan berkolah, berseluar *slack* panjang dan kasut bertutup. Seluar *jeans* adalah tidak dibenarkan.
- Bagi calon perempuan - pakaian berlengan, berseluar panjang atau kain labuh melebihi paras lutut dan kasut bertutup. Seluar *jeans* adalah tidak dibenarkan.

Dress Code - Candidate is required to dress appropriately, decently and professionally with proper shoes. Dress code for male candidate is sleeved and collared shirt with long trousers. Dress code for female candidate is sleeved top with dress/skirt below the knee or trousers. Jeans are not allowed.

9. Peralatan pemeriksaan optometri disediakan di setiap bilik pemeriksaan. Walaubagaimanapun, calon **dibenarkan** untuk membawa peralatan asas pemeriksaan optometri seperti retinoskop, pengkatup, pembaris PD, *pen torch*, kanta cubaan, bingkai cubaan, sasaran dekat.

*Optometry examination devices will be made available in each of the examination room. However, candidates are **allowed** to bring along their basic optometry examination devices such as retinoscope, occluder, PD ruler, pen torch, trial lens set, trial frame, near target.*

PERATURAN-PERATURAN PEPERIKSAAN EXAMINATION RULES

1. Masa yang diperuntukkan untuk peperiksaan amali adalah selama 1 jam 40 minit.

The time allocated for the contact lens practical exam is 1 hour and 40 minutes.

2. Peperiksaan ini mengandungi 4 komponen yang akan dijalankan dalam 2 bahagian. Untuk lulus peperiksaan amali ini, calon wajib lulus semua komponen.

The examination consists of 4 components which will be conducted in 2 parts. To pass this practical examination, it is compulsory for candidate to pass all components.

2.1 Bahagian 1

Bahagian 1 terdiri daripada komponen 1, komponen 2 dan komponen 3. Masa diberi untuk bahagian ini ialah 80 minit.

Part 1

Part 1 consist of component 1, component 2, and component 3. Time given for part 1 is 80 minutes.

Komponen 1:

- Calon perlu melakukan pemeriksaan preliminari ke atas pesakit yang ingin memakai kanta lekap.

Component 1: Candidates will be required to carry out a preliminary examination on a patient who wants to wear contact lenses.

Komponen 2:

- Calon perlu mengambil bacaan keratometri mata kanan dan mata kiri pesakit.
- Calon perlu menyatakan pilihan kanta lekap cubaan yang akan dipasang pada mata pesakit ini.
- Calon dikehendaki melakukan pemasangan kanta lekap jenis lembut dan separa keras pada mata pesakit.

Component 2: Candidates are required to take keratometry readings of both eyes and state the choice of trial lens to fit to this patient. Candidates are also required to do fitting for soft contact lens and RGP on the patient's eyes.

Komponen 3:

- Calon perlu melakukan penilaian pemasangan kanta lekap pada pesakit. Calon dikehendaki mengeluarkan kanta lekap dari mata pesakit.

Component 3: Candidates are required to assess the fitting of the contact lens on the patient's eye. Candidates are also required to remove contact lens from the patient's eye.

2.2 Bahagian 2

Bahagian 2 terdiri daripada komponen 4 sahaja. Masa diberi untuk bahagian ini adalah 20 minit.

Part 2

Part 2 consists of component 4. Time given this part is 20 minutes.

Komponen 4

- Calon perlu melakukan pemeriksaan lanjutan pada pesakit.

Component 4: Candidates are required to conduct an aftercare examination on the patient.

PERINGATAN

Calon dikehendaki mematuhi semua arahan dan peraturan di atas. Kegagalan calon mematuhi arahan dan peraturan tersebut akan menyebabkan calon tidak dibenarkan untuk menduduki atau meneruskan peperiksaan ini.

REMINDER

Candidate shall abide by the instructions and rules stated above. Failure to do so shall result in disqualification of the candidate to sit or continue with the examination.



**CONJOINT CONTACT LENS EXAMINATION COMMITTEE
MAJLIS OPTIK MALAYSIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**



**GUIDELINES FOR OBSERVERS AT THE PRACTICAL CONTACT LENS
EXAMINATION FOR REGISTERED OPTICIAN UNDER SECTION 30(5) OPTICAL
ACT 1991**

GUIDELINES ON CONDUCT OF OBSERVERS

1. Observers are requested to register his or her presence to the Chief Examiner or representative and sign an attendance sheet BEFORE entering the examination area.
2. Observers are not allowed to enter the examination room.
3. Observers are not allowed to have any form of communication with candidates or the examiner about matters pertaining to the conduct of the examination or the performance of the candidate.
4. Movement of Observers between cubicles, should only occur during the examination period only.
5. Observers are requested to refrain from conversation with each other or any other party within earshot of the examination area during examination.
6. Observers are requested to maintain a respectful and appropriate dress code for the examinations.
7. Smoking, eating or drinking are prohibited in the examination area.
8. Only the Chief examiner is authorized to instruct on corrective measures.
9. Should Observers note any problems or inconsistencies in the conduct of the examination they should inform the Chief Examiner immediately.
10. Should Observers be seen fail to adhere to these guidelines, the Chief Examiner will have the right to remove an Observer's privilege to attend the examination.